

SOALAN NO. : 80

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

SOALAN :

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan pemantauan Kementerian dalam penilaian impak alam sekitar (Environmental Impact Assesment) bagi pembangunan di Malaysia dalam mengelakkan risiko bencana seperti tanah runtuh, banjir dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar telah mengamalkan kaedah pengawalan alam sekitar bagi projek-projek yang tertakluk kepada Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) melalui penguatkuasaan terhadap pematuhan kepada Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA terutamanya di peringkat kerja tanah. Jabatan Alam Sekitar menyediakan Laporan Penguatkuasaan bagi Pematuhan kepada syarat-syarat EIA. Pada masa yang sama, pihak pemaju projek perlu mengemukakan laporan pengawasan alam sekitar secara berkala seperti yang telah ditetapkan dalam syarat-syarat kelulusan EIA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

SOALAN : 82

Dato' Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peneroka di tanah rancangan FELDA yang terjejas akibat bencana banjir besar serta setakat mana bantuan dan program pemulihan sudah dilaksanakan bagi membantu peneroka terbabit.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan rumah yang terlibat dengan banjir di seluruh FELDA adalah sebanyak **941** buah rumah. Daripada jumlah tersebut, **904** keluarga telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Banjir yang melibatkan seramai **4,265** ahli keluarga. Bencana banjir yang dialami pada tahun 2014 menyebabkan kerosakan yang teruk khususnya di FELDA Chiku 7, FELDA Seberang Tayor dan FELDA Jengka 8. Banjir yang melanda dalam waktu yang singkat dan menenggelamkan rumah menyebabkan peralatan rumah tidak dapat diselamatkan.

Bagi meringankan beban dan kesusahan yang dialami peneroka yang terlibat banjir, FELDA menyumbang sebanyak RM500.00 sekeluarga secara tunai. Nilai sumbangan adalah sebanyak **RM452,000.00** (RM500.00 x 904). Manakala mangsa banjir yang teruk dan mengalami kerosakan peralatan rumah diberi sumbangan dalam bentuk barangan iaitu pembelian alatan rumah seperti mesin basuh, dapur memasak, peti sejuk dan televisyen. Jumlah bantuan ini dianggarkan tidak melebihi RM4,500.00 sekeluarga setelah ditolak pemberian RM500.00 yang diberi secara tunai. Anggaran nilai bantuan peralatan adalah **RM803,640.00**.

FELDA masih dalam peringkat melaksanakan proses pemulihan bagi kerosakan infrastruktur dan ladang. Ladang–ladang yang musnah akibat banjir, masih dalam proses tuntutan bayaran insuran.

Sekian. Terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
DARIPADA [PAYA BESAR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian dalam mengatasi masalah caj pelbagai bayaran kemudahan peralatan sekolah yang dikenakan oleh pihak sekolah terhadap ibu bapa yang dilihat amat membebankan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Siaran Bilangan 4 Tahun 2011: Garis Panduan Kutipan/Bayaran Keperluan Persekolahan Murid Di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan bagi menyatakan maksud tatacara dan kaedah yang dibolehkan untuk sumbangan yang diberikan.

Mulai tahun 2012, Kerajaan telah melaksanakan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia bagi meringankan beban perbelanjaan persekolahan pada awal tahun yang ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga. Bantuan tersebut telah diberi kepada setiap murid warganegara Malaysia dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 tanpa mengambil kira pendapatan keluarga.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
DARIPADA MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), jumlah pelajar dan bidang pengajian yang dijalankan di negara masa kini, serta nyatakan langkah Kementerian bagi mengawal selia pengajian di IPTS termasuk dari segi kelayakan kemasukan dan tenaga pengajar.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 28 Februari 2015 terdapat 509 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia yang terdiri daripada 61 buah IPTS bertaraf Universiti, 34 buah Kolej Universiti, 9 buah Kampus Cawangan Universiti Luar Negara dan 405 buah kolej. Jumlah bilangan pelajar di IPTS sehingga 31 Disember 2014 adalah seramai 535,026 orang di mana 460,030 orang pelajar tempatan dan 74,996 orang pelajar antarabangsa dalam pelbagai bidang pengajian seperti kejuruteraan, perubatan, pendidikan, pengurusan dan lain-lain.

Bagi mengawal selia program pengajian yang ditawarkan oleh IPTS, *Malaysia Qualification Agency (MQA)* telah membangunkan *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)* dan *Code of Practice for*

Institutional Audit (COPIA) sebagai instrumen penilaian terhadap program yang ditawarkan. Penilaian ini merangkumi 9 bidang iaitu:

1. Visi, Misi, Matlamat pendidikan dan hasil pembelajaran;
2. Reka bentuk dan penyampaian kurikulum;
3. Penilaian pelajar;
4. Pemilihan dan khidmat sokongan pelajar;
5. Staf akademik;
6. Sumber pendidikan;
7. Pemantauan dan semakan program;
8. Kepimpinan, governan dan pentadbiran; dan
9. Penambahbaikan Kualiti berterusan.

MQA juga telah membangunkan Standard Program berdasarkan bidang disiplin yang menetapkan syarat kelayakan masuk pelajar dan tenaga pengajar yang bersesuaian dengan program pengajian yang ditawarkan. Perkara ini perlu menjadi rujukan dan panduan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam pengambilan pelajar dan tenaga pengajar.

Selain itu, pelbagai program pemantauan dilaksanakan secara berkala ke atas IPTS. Antaranya ialah Ops Kelayakan Masuk bagi memastikan IPTS hanya mengambil pelajar yang menepati syarat kelayakan masuk yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM juga telah memperkenalkan Audit Pematuhan mulai tahun 2014 di mana IPTS diaudit secara menyeluruh dalam pelbagai aspek antara lain termasuk pentadbiran, kewangan, prestasi pelajar dan tenaga pengajar. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 juga menghendaki pensyarah IPTS mempunyai permit mengajar yang perlu diperbaharui setiap lima tahun.